

11 anggota polis positif dadah

Ipoh: Seramai 11 anggota polis didapati positif dadah selepas gagal dalam ujian awal saringan air kencing yang dijalankan, Rabu lalu.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid, berkata ujian dilakukan secara rambang itu mengesan sembilan daripadanya positif dadah jenis methamphetamine dan amphetamine, manakala dua lagi positif dadah jenis Tetra Hydrocannabinol (THC).

“Seramai 31 anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) pertama diambil urin secara ram-



*Mior Faridalathrash
Wahid*

bang dan sembilan daripadanya positif dadah.

“Sejumlah 25 lagi anggota dari IPD kedua diambil urin secara rambang dan dua daripadanya positif dadah,” katanya ketika dihubungi.

Mior Faridalathrash berkata, semua anggota itu terdiri lans koperal hingga koperal berusia 35 hingga

51 tahun.

“Semua tangkapan sudah di-siasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 kerana memasukkan dadah ke dalam badan,” katanya.